

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [PENSIANGAN]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah untuk memperkenalkan industri baru kepada petani dan pekebun luar bandar supaya tidak hanya bergantung kepada penanaman sawit dan getah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian berpandangan bahawa buluh berpotensi sebagai sumber baharu tanaman komoditi untuk diusahakan secara ladang komersial. Hasil tanaman ini boleh digunakan dalam pelbagai sektor. Sebagai contoh, rebung buluh boleh dijadikan bahan makanan yang popular di negara seperti Korea, Jepun dan China. Buluh juga turut digunakan dalam pembuatan perabot dan pembinaan yang mana kualitinya setanding dengan kualiti produk-produk kayu yang lain.

Tempoh penanaman dan penuaian hasil buluh adalah lebih singkat iaitu tiga tahun. Pertumbuhan buluh akan berterusan sepanjang tahun yang mana tunas-tunas baharu akan sentiasa tumbuh selepas ditanam. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan modal pengusaha dalam mengusahakan ladang buluh.

Pada tahun 2018, nilai pasaran bagi buluh mencecah sehingga USD68.8 bilion yang kini didominasi oleh China, India dan Taiwan.

Manakala nilai eksport Malaysia bagi produk berasaskan buluh adalah sebanyak RM10 juta. Industri buluh di Malaysia berpotensi tinggi dimajukan dan dikembangkan lagi di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit baharu yang dikenali sebagai “**sistem tanaman sawit dua baris kembar**”. Sistem baharu ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk pelaksanaan integrasi tanaman lain dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan oleh pekebun kecil untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit. Pekebun kecil berpeluang untuk memilih tanaman kontan, sayur-sayuran atau buah-buahan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Melalui kaedah ini, pekebun kecil tidak akan hanya bergantung kepada hasil sawit sahaja sebagai hasil pendapatan isi rumah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi pekebun kecil getah pula, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) turut memperkenalkan “**sistem tanaman perimeter**”, iaitu kaedah penanaman pokok getah di perimeter sempadan tanah kebun. Melalui kaedah ini, keluasan tanah yang boleh digunakan untuk aktiviti ternakan dan tanaman adalah antara 60 hingga 80 peratus. Selain itu, tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pisang, betik, nenas, salak, durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan. Kaedah-kaedah ini akan memberikan peluang kepada pekebun kecil getah menjana pendapatan sampingan selain daripada hasil tanaman getah mereka.

Sekian terima kasih.